



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَابَاتُنْ حَالِ إِحْوَالِ الْأَمْرَاءِ إِلَّا مِنْ شَيْءٍ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 SYAABAN 1444H/ 03 MAC 2023M

### BUDAYA MEMBACA AL-QURAN DALAM KELUARGA LAHIR GENERASI CAKNA AL-QURAN

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 28.03.2023

PEGAWAI PENYEMAK : .....

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 01/03/2023

DIBACA PADA : 03/03/2023

DILULUSKAN OLEH : .....


BAHARUDIN HUWALI

Ketua Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih



KHUTBAH PERTAMA

## BUDAYA MEMBACA AL-QURAN DALAM KELUARGA LAHIR GENERASI CAKNA AL-QURAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

حَمَّٰٓ تَنْزِيلٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۚ كِتَابٌ فُصِّلَتْ آيَاتُهُ ۖ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ۖ بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَاعْرَضْ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ۝ (سورة فصلت (41) : 4-1)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَبْتَقُوا اللَّهَ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ.

PARA JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT!

Sesungguhnya prasyarat untuk memperolehi keredhaan dari Allah dan ganjaran syurga di akhirat kelak ialah sifat takwa. Oleh itu, marilah kita mentarbiah diri dan ahli keluarga kita menjadi Muslim yang bertakwa, dalam erti kata sentiasa taat kepada semua perintah Allah SWT dan meninggalkan segala perbuatan dosa dan maksiat yang dilarang-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong sebagai Mukmin yang Muttakin. Bagi mengimarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri Sabah tahun ini yang bermula pada 27 Februari 2023M hingga 2 Mac 2023M, mimbar akan mengutarakan khutbah yang bertajuk "**Budaya Membaca**

*Al-Quran Dalam Keluarga Lahir Generasi Cakna Al-Quran.”*

### **HADIRIN TETAMU ALLAH YANG MULIA!**

**Al-Quran** bererti bacaan atau himpunan. Ia dikatakan sebagai bacaan kerana al-Quran adalah kitab untuk dibaca oleh manusia. Ia dikatakan himpunan kerana al-Quran mengandungi ayat-ayat yang menjelaskan pelbagai perkara yang meliputi soal tauhid, ibadat, jinayah, muamalah dan sebagainya.

Bagi menyemarakkan kesedaran umat Islam terhadap keistimewaan dan fadilat kitab suci al-Quran tersebut, Majlis Tilawah al-Quran diadakan setiap tahun sebagai usaha menggalak dan membudayakan minat membaca al-Quran di kalangan masyarakat Islam. Ia juga bertujuan mencungkil bakat dan keupayaan para qari dan qariah bertarannum mengikut kaedah dan disiplin qiraat al-Quran yang betul. Selain itu, majlis tilawah secara tidak langsung mengingatkan diri kita sejauh mana akrabnya hubungan kita dengan al-Quran yang membimbing manusia berfikir, mencari jawapan dan petunjuk tentang sesuatu.

### **SAUDARA MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!**

Hakikatnya, al-Quran diturunkan bukan untuk dibaca dan dilakukan dalam majlis-majlis tilawah semata-mata. Ia sepatutnya menjadi bacaan, pemahaman, pakaian, makanan yang dihadam oleh setiap jiwa manusia yang bergelar muslim. Dengan amalan itu, membolehkan umat Islam mengkaji dan membongkar pelbagai ilmu yang terkandung di dalamnya sekali gus menjadikan al-Quran sebagai sumber ilmu dan sumber berfikir. Ini sejajar dengan keistimewaannya sebagai gedung khazanah ilmu tentang sains, kemasyarakatan, kekeluargaan, alam dan persekitaran, psikologi, perubatan dan bermacam-macam lagi cabang disiplin ilmu.

Perhatikan firman Allah berikut:--

الَّذِينَ عَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتْلُونَهُ حَقًّا تِلَاوَتِهِ أُولَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَمَنْ يَكْفُرْ  
بِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ١٢١

**Maksudnya:** "Orang-orang yang Kami berikan kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarkan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi." (QS. al-Baqarah (2): 121)

Menurut Tafsir al-Manar, (2.447-448), ayat ini menerangkan kitab suci itu hendaklah dibaca dengan mengetahui maknanya serta memahami maksudnya dan faham berdasarkan iman, yang menggesa pembacanya mengambil pelajaran dan petunjuknya, (mengerjakan suruhannya dan meninggalkan larangannya). Janganlah hendaknya umat Islam membaca al-Quran hanya untuk memberi halwa telinga kepada pendengarnya sahaja atau untuk mendapat faedah dunia semata-mata, kerana yang demikian tidak memberi hidayah petunjuk kepada pembacanya bahkan boleh menimpa akibat yang buruk kepadanya, kerana ia telah termasuk dalam golongan yang menjadikan agama sebagai permainan dan hiburan.

Justeru, bagi mereka yang berterusan membaca al-Quran dalam hidupnya, sekurang-kurangnya sudah mengikat sillaturahim dengan mukjizat Rasulullah SAW dan lebih bermakna apabila yang dibaca, diterjemahkan dalam kehidupan untuk mencari redha Allah SWT. Tetapi, bagi mereka yang seolah-olah sedang lemas hilang tempat berpegang, maka untuk kembali kepada apa yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah SAW supaya berpegang teguh kepada Kitabullah dan sunnah Baginda bukan lagi merupakan suatu pilihan. Ia menjadi suatu kemestian dan keutamaan dalam memperbetulkan setiap tersalah langkah dalam kehidupan. Ibarat kata pepatah, kalau sesat di penghujung jalan, baliklah ke pangkal jalan.

## **PARA JAMAAH YANG BIJAKSANA!**

Dalam sebuah hadisnya, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesungguhnya orang yang tidak ada langsung dalam jiwanya al-Quran seumpama rumah yang runtuh".* (Hr. Termizi dan Ahmad)

Berdasarkan kepada mafhum sabda Baginda SAW ini, timbul persoalan bagaimana al-Quran dapat dijadikan sebagai petunjuk, penjelasan dan pembeza antara yang makruf dan mungkar jika pintu hati kita sentiasa tertutup untuknya. Tanpa tersemat roh al-Quran di dalam jiwa generasi kini dan akan datang, maka pastinya kita tidak berupaya untuk mendepani arus deras kemodenan yang terlalu banyak dihiasi dengan kemungkaran yang mempesonakan. Situasi ini membawa kepada naratif membina generasi yang cakna al-Quran.

Cakna Al-Quran merujuk kepada usaha mengambil berat dan mengambil tahu terhadap apa yang tersurat dan tersirat di dalam al-Quran. Sifat ini mesti ada pada muslim yang beriman dan bertakwa kerana salah satu rukun iman ialah percaya dengan penuh yakin tanpa ragu kepada kitab-kitab Allah. Kesempurnaan iman dan kecaknaan seseorang itu kepada al-Quran merupakan suatu yang tidak terpisah seperti mana firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 2:

**ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۚ**

**Maksudnya:** "Kitab al-Quran ini tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa." (QS. al-Baqarah (2): 2)

Menyedari peri pentingnya pembinaan generasi yang mahu mengambil berat dan mengambil tahu perihal al-Quran dalam hidup yang serba mencabar ini, maka bertapa perlunya amalan belajar dan membaca al-Quran itu dimulakan dan dibudayakan dalam setiap keluarga Muslim. Ibu bapa yang berkelapangan dan berkemahiran sebaiknya membimbing anak masing-masing secara konsisten dan penuh komitmen membaca al-Quran. Jika tidak mampu, usaha alternatif

perlu dicari seperti menghantarnya ke kelas pengajian atau mengundang guru al-Quran ke rumah.

Pada masa sama, jadikan amalan membaca al-Quran di rumah sebagai aktiviti harian sebagaimana rutin kita mentelaah skrin telefon pintar. Ini merupakan antara pendekatan awal dalam membawa umat Islam kembali menghayati dan mengamalkan isi kandungan al-Quran serta menciptakan tradisi untuk bersaing dalam menterjemahkan ayat-ayat tersebut dalam realiti kehidupan untuk mencapai kesejahteraan dan kecemerlangan hidup selaras firman Allah:—

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبْلَ السَّلَمِ وَيُخْرِجُهُمْ مِّنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ  
يَأْذِنُهُ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Maksudnya: "Dengan (al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap gelita (kufur) dengan cahaya (iman) yang terang-benderang dengan izin-Nya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus." (S. al-Maidah: 16)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

## تیک سے خطبہ کدوں

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰی سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ، وَعَلٰی  
آلِهِ وَاصْحَابِهِ الصَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلّٰ اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰی نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:  
إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُكُتُهُ يُصَلُّونَ عَلٰی النَّبِيِّ يَا يٰهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلٰيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰی سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰی سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰی آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلٰی سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰی آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلٰی سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰی آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللّٰهُمَّ ارْضُ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَةَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ  
الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَ عَلٰی ملِكِنَا کباوه دولي یغ منها موليا سري قدوك بکیندا یغ دفتروان

اكْوَغْ وَفَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى توانِي بِعَدْ دُفُرْتُوا نَكْرِي سَابِهِ، وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ  
 هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ.  
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
 يَبْطَلُ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبِّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.  
 عِبَادَ اللَّهِ،  
 إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلْحَسْنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
 يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُ كُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
 يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
 Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
 Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS  
 Tel: 088-522127/ [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com)